

JKDM rampas lebih 2.4 juta rokok seludup

PETALING JAYA - Taktik sindiket menyimpan bekalan rokok dalam sebuah kontena yang dijadikan tempat penyimpanan sebelum diedarkan dan diagih kepada pembekal tempatan terbongkar susulan serbuan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kuala Lumpur pada 9 Julai lalu.

Pengarah Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wan Norizan Wan Daud berkata, hasil pemeriksaan pada jam 3 pagi menemui 2,402,000 batang rokok putih dan kretek import yang merupakan barangan larangan dianggarkan bernilai RM2.07 juta.

"Hasil risikan yang dilakukan sejak 12 tengah malam, pasukan kami menyerbu kawasan parkir kontena di Jalan Telekom, Kampung Johan Setia, Klang dan menemui sejumlah dagangan disyaki rokok putih dan kretek," katanya dalam sidang akhbar di Kompleks Kastam Kuala Lumpur di sini pada Rabu.

Wan Norizan berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan rokok



Wan Norizan (tengah) menunjukkan rokok seludup yang dirampas 9 Julai lalu dalam sidang akhbar pada Rabu.

berkenaan diseludup masuk melalui jalan laut dan memaklumkan tiada tangkapan dibuat dalam serbuan tersebut serta siasatan masih dijalankan.

Sementara itu, tindakan sindiket menyeleweng dan menyimpan minyak diesel secara haram terbongkar selepas Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 4 Semenyah menyerbu dua

lokasi berasingan di Jalan PJU 1/23 di sini pada Selasa.

Pegawai Pemerintah Batalion 4 PGA, Superintenden Jafri Muhamad berkata, keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM602,220.

Katanya, siasatan dijalankan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Imigresen 1959/63.